

## **ABSTRAK**

### **PENGLIBATAN KOPERASI DALAM PERNIAGAAN STESEN MINYAK LUAR BANDAR**

Oleh

Sharina Abdullah, R. Zarinatun Mohd Abdul Kader,

Nur Faeza Yahya, Haslinda Sujak

**Disember 2015**

**Maktab Koperasi Malaysia**

Penyelidikan ini dijalankan bagi mengetahui isu yang dihadapi oleh koperasi sebagai pengendali stesen minyak mini di luar bandar dan elemen kelangsungan perniagaan yang membolehkan koperasi mengekalkan prestasi perniagaan tersebut. Kesan limpahan perniagaan terhadap komuniti setempat juga turut dinilai. Sampel kajian adalah sebanyak lima buah koperasi dan menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual dan pemerhatian. Edaran soal selidik juga dibuat bagi meninjau persepsi masyarakat setempat terhadap kewujudan stesen minyak mini. Secara umumnya, kajian ini mendapati dana yang tinggi diperlukan untuk menjalankan perniagaan ini. Banyak prosedur permohonan dan operasi stesen minyak yang perlu koperasi patuhi. Pengurusan tunai yang cekap adalah faktor penting dalam kelangsungan perniagaan ini. Begitu juga urusan tempahan dan pembekalan stok minyak harus dipantau rapi, selain kakitangan yang terlatih diperlukan. Jualan dan pulangan didapati agak perlahan kerana perkhidmatan stesen minyak mini yang terhad hanya digunakan oleh penduduk sekitar. Ini menyebabkan koperasi berada dalam dilema antara keuntungan dan keperluan bahan ini kepada penduduk setempat. Justeru, koperasi perlu memastikan pengurusan kewangan stesen, stok minyak, dan pentadbiran koperasi adalah cekap. Kredibiliti pembekal juga adalah elemen kelangsungan perniagaan yang dapat memastikan perniagaan stesen minyak mini koperasi terus bertahan. Stesen minyak mini koperasi dapat memberi kemudahan kepada penduduk setempat tetapi lain-lain kesan limpahan masih di tahap sederhana.